

Kembara Musafir Perkukuh Jati Diri



Hulu Dungun, 30 April – Seramai 21 peserta yang terdiri daripada staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta beberapa orang pendaki amatir berpeluang menyertai Ekspedisi Kembara Musafir @ Gunung Berembun yang berketinggian 3405 kaki.

Program yang berjalan selama 3 hari 2 malam ini bertujuan bagi memberi peluang kepada para peserta untuk menyertai aktiviti pendakian disamping menerapkan elemen ibadah dan ikhtiar hidup ketika berada dalam situasi yang mencabar. Antara aktiviti yang dijalankan selain pendakian adalah penentuan waktu solat dan kiblat berdasarkan kaedah tradisional, solat fleksibel dan ikhtiar hidup.

Pengarah program, Ustaz Mohamad Hasnur Abdul Hamid dari Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) berkata, program ini diilhamkan bagi memberi pendedahan tentang pengetahuan asas falak berkenaan proses penentuan kiblat dan waktu solat.

“Peserta bukan sahaja dapat menikmati pemandangan indah flora fauna dengan kepelbagaian alam semulajadi yang menjadi khazanah negara malahan dapat mentadabbur kekuasaan Allah sebagai Tuhan sekalian alam,” katanya.



Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektrik (FKEE), Dr. Ramdan Razali berpendapat, peluang mengikuti program kembara ini sangat unik kerana pengisiannya sangat berhubung kait dengan persiapan diri dengan memperluaskan dengan ilmu selain mencabar fizikal dan mental peserta.

Ujarnya, program ini juga sangat berbeza apabila PIMPIN menawarkan program ilmiah berbentuk kembara dan begitu teruja. Di samping memberi pendedahan tentang kaedah mendirikan solat secara fleksibel, program ini juga menjadikan para peserta seperti sebuah keluarga yang erat yang mana elemen kerjasama dan sikap tolong menolong di antara satu sama lain menjadi teras utama ketika aktiviti pendakian dijalankan.

Berita Disediakan oleh Ustaz Mohamad Hasnur Abdul Hamid dari Pusat Islam dan Pembangunan Insan dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 24-05-2017, 10:09:43